



TEKS UCAPAN PERASMIAN

NAIB CANSOLOR UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

PROF. DATO' DR MUSA BIN AHMAD

SEMINAR ANTARABANGSA SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG (INSLA) 2018

Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh

1. Alhamdulillah syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan Izin dan rahmatNya dapat kita bersama-sama bertemu pada hari ini di dalam **Majlis Perasmian Seminar Antarabangsa Syariah dan Undang-undang (INSLA) 2018.**

2. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Fakulti Syariah dan Undang-undang atas penganjuran Seminar Antarabangsa Syariah dan Undang-undang (INSLA) 2018 pada kali ini. Semoga agenda seminar kali ini dapat dihayati oleh semua peserta seminar yang terdiri daripada pelbagai negara di rantau nusantara khususnya dan di dunia amnya.

3. Utuk makluman Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, penganjuran INSLA pada kali ini membawa kelainan berbanding penganjurannya yang lalu. Melihat kepada suasana kehidupan pada hari ini, seluruh nusantara merasai kesusahan dan kesukaran masyarakat bergama Islam yang ditindas di serata dunia khususnya penderitaan masyarakat Rohingya yang tiada kesudahannya. Justeru, INSLA 2018 melihat pentingnya keamanan berteraskan Syariah dan undang-undang diangkat sebagai tema penganjuran INSLA 2018 pada kali ini. Malaysia yakin prinsip kenegaraan berasaskan Syariah dan Undang-undang adalah wadah terbaik untuk memastikan keamanan serantau dapat dipertahankan.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

4. Penganjuran INSLA 2018 adalah signifikan bagi menyediakan platform yang bersesuaian di mana para sarjana dapat bertukar-tukar pandangan dalam bidang syariah dan undang-undang. Oleh kerana kedua-dua sistem perundangan berbeza antara satu sama lain, adalah sesuatu yang amat penting bagi memahami kepelbagaian yang wujud antara mereka dan untuk mencadangkan penyelesaian yang berkemungkinan dalam usaha mepertingkatkan perkaitan dan hubungan antara kedua-duanya. Segala input dan

topik perbincangan dapat dimanfaatkan untuk perhatian selanjutnya oleh semua pihak yang terlibat dalam bidang berkenaan samada dari peringkat pentadbir, penggubal undang-undang dan polisi, ahli akademik dan sesiapa sahaja dalam usaha memahamai peranan Syariah dan undang-undang secara global.

5. Selain itu, penganjuran seminar antarabangsa ini juga secara tidak langsung akan menaikkan nama Malaysia sebagai negara yang mempunyai sistem perundangan yang unik. Ini sudah pasti menguntungkan negara yang amat memerlukan sokongan dan pengiktirafan yang jitu daripada pelbagai pihak dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara Islam contoh dan pusat kecermerlangan akademik dan penyelidikan di rantau ini.

6. Akhir kalam, saya berharap agar penganjuran INSLA 2018 bakal menjadi medan pertukaran idea dan pemikiran daripada semua pihak yang terlibat, secara langsung atau tidak langsung, dalam mengetengahkan isu-isu berkaitan Syariah dan undang-undang khususnya di dalam menjadikan USIM sebagai Pusat Rujukan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli di peringkat serantau dan global. Saya juga mengharapkan pertemuan ini akan membuka ruang kerjasama yang lebih erat dan menggalakkan pertukaran maklumat di antara pihak-pihak diperingkat global dalam bidang perundangan.

7. Dengan lafaz bismillahrahmaniirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Perasmian Seminar Antarabangsa Syariah dan Undang-undang (INSLA) 2018. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.